CROTAMIXONE CREAM

Crotamiton / Hydrocortisone Acetate (10% w/w / 0.25% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Crotamixone Cream
2. Bagaimana Crotamixone Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Crotamixone Cream
4. Cara menggunakan Crotamixone Cream
5. Semasa menggunakan Crotamixone Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Crotamixone Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Crotamixone Cream

Crotamixone Cream digunakan terutamanya untuk merawat kudis buta (jangkitan parasit yang disebabkan oleh hama kecil, yang menyebabkan kegatalan yang teruk dan ruam). Ia juga membantu melegakan simptom seperti kegatalan dan keradangan bagi pelbagai masalah kulit.

Bagaimana Crotamixone Cream berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini ialah crotamiton dan hydrocortisone acetate. Crotamiton ialah sejenis anti-parasit dan anti-kegatalan. Ia bertindak dengan membunuh hama kecil yang menyebabkan kudis buta serta membantu melegakan kegatalan. Manakala, hydrocortisone ialah kortikosteroid ringan (sejenis ubat anti-radang) yang membantu mengurangkan kemerahan, bengkak, dan kegatalan yang disebabkan oleh masalah kulit.

Gabungan kedua-dua bahan ini dalam krim bukan sahaja merawat kudis buta, tetapi juga melegakan kerengsaan pada kulit.

Sebelum menggunakan Crotamixone Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Crotamixone Cream jika anda:

- hipersensitif kepada crotamiton, atau hydrocortisone acetate atau sebarang bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan pada Maklumat Lanjut).
- mempunyai jangkitan kulit yang disebabkan oleh bakteria, virus atau kulat.
- jika kulit anda meradang atau mempunyai luka terbuka yang berair.
- mempunyai ulser kulit atau kulit yang pecah/luka.

- Sebelum menggunakan Crotamixone Cream

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Elakkan daripada menggunakan krim ini semasa mengandung kecuali jika diarahkan oleh doktor anda.

Jangan gunakan krim ini semasa menyusukan bayi, kerana ia mungkin menjejaskan bayi walaupun risikonya belum diketahui. Sentiasa dapatkan nasihat doktor sebelum menggunakannya.

Penggunaan pada kanak-kanak

Sila rujuk doktor anda sebelum menggunakan krim ini pada anak anda.
Bagi kanak-kanak, krim ini hanya boleh digunakan jika betul-betul diperlukan dan tidak melebihi daripada 7 hari.
Penggunaan yang berlebihan mungkin menjejaskan pertumbuhan atau menyebabkan kesan sampingan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Crotamixone Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Kegunaan topikal.

Sapukan lapisan nipis pada bahagian kulit yang terjejas.

- Bila perlu digunakan

Sapukan 2 hingga 3 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk tempoh penggunaan.
Penggunaan krim ini tidak boleh lebih daripada 10 hingga 14 hari, atau hanya sehingga 7 hari jika digunakan pada muka.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Semasa menggunakan Crotamixone Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Crotamixone Cream

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Crotamixone Cream kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah yang sama seperti anda.
- Jangan sapukan krim berhampiran mata atau mulut.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Crotamixone Cream terhadap anda.

Hentikan penggunaan dan maklumkan kepada doktor anda jika kulit anda menjadi lebih teruk, semakin merengsa, atau jika terdapat ruam.

Elakkan menyapu krim pada kawasan kulit yang luas, terutamanya di bawah balutan yang ketat, kerana ia mungkin menjejaskan paras hormon anda.

Elakkan penggunaan krim ini untuk jangka masa yang panjang kerana ia mungkin menyebabkan kesan sampingan seperti pertambahan berat badan, bengkak, atau perubahan paras gula dalam darah bagi sesetengah individu.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Crotamixone Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan biasa:
- Kemerahan atau rasa hangat pada kulit (bersifat sementara).
- Kerengsaan kulit atau reaksi alahan
- Kulit kering

- Bintik merah kecil atau jerawat (seperti jerawat biasa)
- Pertumbuhan bulu berlebihan pada kawasan yang disapu krim.
- Kulit bertompok
- Ruam di sekeliling mulut
- Ruam kulit akibat alahan
- Pelembutan atau kerosakkan pada kulit, terutamanya jika ditutup
- Penipisan kulit jika digunakan dalam jangka masa panjang
- Tanda regangan
- Ruam panas (bintik merah kecil, terutamanya di kawasan panas atau berpeluh)
- Jangkitan boleh berlaku jika kulit rosak atau dibalut dengan terlalu ketat

Kesan sampingan yang jarang tetapi serius:
Ketidakseimbangan hormon, yang mungkin menyebabkan:
- *Cushing's syndrome* (penambahan berat badan, muka menjadi bulat, perubahan emosi)
- Paras gula dalam darah yang tinggi
- Kehadiran gula dalam air kencing

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan-kesan sampingan lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan Crotamixone Cream

- Penyimpanan
Simpan pada atau di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Krim putih, lembut dan licin.

-Bahan-bahan kandungan
- Bahan aktif
- Crotamiton
- Hydrocortisone Acetate

- Bahan tidak aktif
- Cetostearyl Alcohol
- Cetomacrogol 1000
- Vaseline (White Soft Paraffin)
- Propylene Glycol
- Methyl Paraben
- Disodium Edetate (EDTA)
- Rheosol AVH
- Deionised Water

- Nombor MAL
MAL19921155AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP
18/07/2025

Nombor Siri
NPRA(R4/1)290525/00041